

PERSONAL FINANCING-i TERMS AND CONDITIONS

1.0 GENERAL

The following Personal Financing-i Terms and Conditions ("T&C") sets out the terms and conditions of the Personal Financing-i ("Facility") which has been provided to the Customer at the time of application of the Facility.

This T&C shall be binding on the Customer upon Co-opbank's approval of the Facility.

The Customer has read, understood and agrees to be bound by this T&C, Purchase Request, the Wakalah (Dual Agency) Appointment Agreement, Letter of Offer, Murabahah Sale Contract and Product Disclosure Sheet (PDS) for the applicable product herein and any additions or amendments as may be made thereto by Co-opbank at any time and from time to time which govern the Facility with prior notice to the Customer.

2.0 DEFINITION

In this T&C, unless otherwise provided, the following words shall have the meaning as set out below:-

"Ceiling Profit Rate" is a profit rate to be determined at the maximum rate to determine the Sale Price.

"Commodity" means any commodity (non-ribawi) traded at any trading platform approved by Co-opbank or other commodity or asset acceptable to Co-opbank.

"Commodity Broker" means any third party, other than the Commodity Supplier, to whom Co-opbank shall sell the Commodity on behalf of the Customer.

"Commodity Supplier" means any third party from whom Co-opbank shall purchase the Commodity so as to sell it to the Customer.

"Security Deposit" means the security deposit sum to be deducted from the Facility disbursed by the Co-opbank as stipulated in the Letter of Offer.

"Effective Profit Rate" is a profit calculated based on the current ECOF (Effective Cost of Fund) + spread of profit margin to determine the instalment.

PEMBIAYAAN PERIBADI-i TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

1.0 UMUM

Terma-terma dan syarat-syarat Pembiayaan Peribadi-i ("T&C") seperti berikut menyatakan terma-terma dan syarat-syarat kemudahan Pembiayaan Peribadi-i ("Kemudahan") yang telah disediakan kepada Pelanggan semasa memohon Kemudahan.

Pelanggan adalah tertakluk kepada T&C ini setelah Kemudahan diluluskan oleh Co-opbank.

Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&C, Permohonan Pembelian, Perjanjian Pelantikan Wakalah (Dwi Wakalah), Surat Tawaran, Kontrak Jualan Murabahah dan Lembaran Penzahiran Produk (LPP) produk ini dan sebarang penambahan atau pindaan yang mungkin dibuat kepadanya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa oleh Co-opbank yang mengawal selia Kemudahan dengan pemberitahuan kepada Pelanggan terlebih dahulu.

2.0 TAKRIFAN

Di dalam T&C ini, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah:-

"Kadar Keuntungan Siling" adalah kadar keuntungan yang ditentukan pada kadar maksimum bagi menentukan Harga Jualan.

"Komoditi" bermaksud apa-apa komoditi (bukan ribawi) yang didagangkan di mana-mana platform dagangan yang diluluskan oleh Co-opbank, atau komoditi atau aset lain yang diterima oleh Co-opbank.

"Broker Komoditi" bermaksud mana-mana pihak ketiga, selain Pembekal Komoditi, yang kepadanya Co-opbank akan menjual Komoditi bagi pihak Pelanggan.

"Pembekal Komoditi" bermaksud mana-mana pihak ketiga yang daripadanya Co-opbank akan membeli Komoditi untuk dijual kepada Pelanggan.

"Deposit Sekuriti" bermaksud jumlah deposit sekuriti yang akan ditolak daripada Kemudahan yang dikeluarkan oleh Co-opbank seperti yang ditetapkan di dalam Surat Tawaran.

"Kadar Keuntungan Efektif" ialah keuntungan yang dikira berdasarkan ECOF semasa (Kos Dana Efektif) + tebaran margin keuntungan untuk menentukan ansuran.

PERSONAL FINANCING-i TERMS AND CONDITIONS

“**Facility Amount**” means the financing sum of the Facility approved by Co-opbank and notified to the Customer in writing and/or in any manner as Co-opbank deems fit, which sum shall not exceed the sum applied for by the Customer.

“**Ibra**” means deferred profit to be rebated to customers who settle their financing before their financing tenure including but not limited to the situations as per guidelines by Bank Negara Malaysia (“BNM”) and Suruhanjaya Koperasi Malaysia (“SKM”).

“**Murabahah**” means a contract of sale based on cost plus where the acquisition cost and the seller’s profit margin are disclosed to the buyer at the time of the contract.

“**Profit**” refers to the difference between Sale Price and Purchase Price.

“**Purchase Price**” is the amount payable or paid by Co-opbank to the Commodity Supplier which is equivalent to Facility Amount.

“**Sale Price**” is the respective sale price payable by the Customer to Co-opbank which shall comprise Co-opbank’s Purchase Price and Profit under this Facility.

“**Tawarruq**” consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset (commodity) by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset (commodity) to a third party on a cash and spot basis.

“**Wakalah**” means a contract of appointment of an agent whereby a person appoints another to act on his behalf.

“**Dual Wakalah**” is where an arrangement involves more than one principal as contracting parties (whether or not the arrangement involves one or more transactions such as seller and buyer), the agent may act for all of the principals.

A person, in his capacity as agent for one principal, may enter into a subsequent transaction with himself as the other contracting party.

PEMBIAYAAN PERIBADI-i TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

“**Jumlah Kemudahan**” adalah jumlah pembiayaan Kemudahan yang diluluskan oleh Co-opbank dan dimaklumkan kepada Pelanggan secara bertulis dan/atau dalam apa jua cara yang dianggap wajar oleh Co-opbank, di mana jumlah tersebut tidak boleh melebihi jumlah yang dipohon oleh Pelanggan.

“**Ibra**” bermaksud keuntungan tertanggung yang akan diberikan rebat kepada pelanggan apabila melakukan penyelesaian awal termasuk tetapi tidak terhad kepada situasi yang digariskan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (“SKM”).

“**Murabahah**” bermaksud kontrak jualan berasaskan kos ditambah keuntungan yang didedahkan kepada pembeli semasa kontrak dilaksanakan.

“**Keuntungan**” merujuk kepada perbezaan di antara Harga Jualan dan Harga Belian.

“**Harga Belian**” ialah jumlah yang perlu atau telah dibayar oleh Co-opbank kepada Pembekal Komoditi bersamaan dengan Jumlah Kemudahan.

“**Harga Jualan**” ialah harga jualan berkaitan yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Co-opbank termasuk Harga Belian Co-opbank dan Keuntungan di bawah Kemudahan ini.

“**Tawarruq**” terdiri daripada dua kontrak jual beli. Kontrak jual beli yang pertama melibatkan penjualan aset (komoditi) oleh penjual kepada pembeli secara bayaran tertanggung. Selepas itu, pembeli daripada kontrak jualan yang pertama akan menjual aset (komoditi) tersebut kepada pihak ketiga secara bayaran tunai dan segera.

“**Wakalah**” bermaksud kontrak pelantikan ejen yang membolehkan suatu pihak melantik pihak yang lain untuk bertindak bagi pihaknya.

“**Dwi Wakalah**” ialah pengaturan yang melibatkan lebih daripada satu prinsipal sebagai pihak yang berkontrak (sama ada pengaturan itu melibatkan satu transaksi atau lebih seperti penjual dan pembeli), ejen tersebut boleh bertindak untuk kesemua prinsipal.

Seorang ejen di atas kapasitinya mewakili pihak seorang prinsipal, boleh membuat transaksi berikutnya dengan dirinya sebagai pihak kontrak yang lain.

**PERSONAL FINANCING-i
TERMS AND CONDITIONS**

- 3.0 INTERPRETATION**
- 3.1 Words and expressions denoting the singular number only shall include the plural and vice versa and words and expressions denoting the masculine gender only shall include the feminine and neuter gender.
- 3.2 The headings in this T&C are inserted for convenience only and shall be ignored in construing the provisions of this T&C.
- 4.0 FACILITY CONCEPT**
- This financing is offered based on the concept of Commodity Murabahah (Tawarruq).
- 5.0 PURPOSE**
- 5.1 The Facility is to be utilised for the personal use of the Customer.
- 5.2 The Customer acknowledges and agrees that the Facility shall be utilised for any Shariah compliant purposes only failing which, Co-opbank has the right to terminate and cancel the Facility immediately.
- 6.0 METHOD OF FINANCING**
- The Customer will request Co-opbank to purchase the Commodity and Customer undertakes to purchase the Commodity from Co-opbank. The Customer shall appoint Co-opbank as its restricted agent to perform the following:-
- (a) to purchase the Commodity from Co-opbank and to execute the Murabahah Sale Contract for the purchase of the Commodity; and
- (b) to sell the Commodity on behalf of the Customer to the Commodity Broker.
- Pursuant to the request, Co-opbank will purchase the Commodity from Commodity Broker at Purchase Price equivalent to the approved Facility Amount.
- Thereafter, Co-opbank shall sell to the Customer the Commodity at Sale Price which shall constitute the approved Facility Amount and Profit on deferred payment basis. Pursuant to the appointment of agency, Co-opbank as its restricted agent will conclude the purchase by executing the Murabahah Sale Contract on behalf of the Customer.

**PEMBIAYAAN PERIBADI-i
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- 3.0 TAFSIRAN**
- 3.1 Perkataan dan ungkapan yang menunjukkan mufrad sahaja hendaklah merangkumi jamak dan sebaliknya serta perkataan dan ungkapan yang menunjukkan jantina maskulin sahaja hendaklah merangkumi jantina feminin dan neuter.
- 3.2 Tajuk-tajuk dalam T&C ini dimasukkan untuk memudahkan rujukan sahaja dan hendaklah diabaikan semasa mentafsirkan peruntukan-peruntukan T&C ini.
- 4.0 KONSEP KEMUDAHAN**
- Pembiayaan ini ditawarkan berdasarkan konsep Murabahah Komoditi (Tawarruq).
- 5.0 TUJUAN**
- 5.1 Kemudahan hendaklah digunakan untuk tujuan peribadi Pelanggan.
- 5.2 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Kemudahan akan digunakan untuk apa-apa tujuan yang patuh Shariah sahaja. Co-opbank mempunyai hak untuk menamatkan dan membatalkan Kemudahan tersebut dengan serta-merta jika Pelanggan gagal untuk mematuhi syarat ini.
- 6.0 KAEDAH PEMBIAYAAN**
- Pelanggan akan meminta Co-opbank untuk membeli Komoditi dan berakujanji untuk membeli Komoditi tersebut daripada Co-opbank. Pelanggan akan melantik Co-opbank sebagai agen terhadnya untuk melaksanakan tugas berikut:-
- (a) untuk membeli Komoditi daripada Co-opbank dan untuk menyempurnakan Kontrak Jualan Murabahah untuk pembelian Komoditi; dan
- (b) untuk menjual Komoditi bagi pihak Pelanggan kepada Broker Komoditi.
- Berdasarkan permintaan tersebut, Co-opbank akan membeli Komoditi daripada Pembekal Komoditi pada Harga Belian yang bersamaan dengan Jumlah Kemudahan yang diluluskan.
- Seterusnya, Co-opbank akan menjual kepada Pelanggan Komoditi tersebut pada Harga Jualan yang terdiri daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan dan keuntungan berdasarkan bayaran tertangguh. Berdasarkan pelantikan agensi, Co-opbank sebagai agen terhad akan memuktamadkan pembelian tersebut dengan menyempurnakan Kontrak Jualan Murabahah.

Subsequently, Co-opbank as the Customer's agent will sell the Commodity to Commodity Supplier at an amount which is equivalent to the approved Facility Amount.

The proceeds of the sale of the Commodity shall be channeled into the Customer's designated account with Co-opbank or such manner as may be determined by Co-opbank for disbursement, subject to the terms of the Facility and as may be determined by Co-opbank from time to time.

7.0 TERMS AND CONDITIONS OF THE PURCHASE REQUISITION AND UNDERTAKING ON THE PURCHASE OF COMMODITY

7.1 The purchase of the Commodity from any commodity trader at the Facility Amount shall be made in accordance to the terms of the Facility; and

7.2 The undertaking from the Customer herein is irrevocable.

8.0 TERMS AND CONDITIONS OF THE AGENCY APPOINTMENT

The appointment of Co-opbank as the Customer's agent shall be unconditional and irrevocable and Co-opbank, as the Customer's agent, shall follow the order in the Wakalah (Dual Agency) Appointment Agreement.

9.0 PAYMENT

9.1 Upon approval of the Facility and completion of Tawarruq transaction, the Facility Amount will be credited into the Customer's account with Co-opbank or into the account of any third party (if applicable) or in such manner as may be determined by Co-opbank for payment of the facility subject to the terms of the Facility and as determined by Co-opbank from time to time.

The Customer agrees and acknowledges that the payment made to any third party by Co-opbank on behalf of the Customer is also deemed to be the disbursement of the Facility Amount by Co-opbank.

9.2 The Payment of the Sale Price and/or the instalments by the Customer can be made via salary deduction/ cash transfer/ cheque or payment mode acceptable by Co-opbank.

Kemudian, Co-opbank sebagai ejen Pelanggan akan menjual Komoditi tersebut kepada Broker Komoditi pada jumlah yang bersamaan dengan Jumlah Kemudahan yang diluluskan.

Hasil penjualan Komoditi tersebut akan dimasukkan ke dalam akaun Pelanggan dengan Co-opbank atau mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Co-opbank bagi pembayaran kemudahan tertakluk kepada terma Kemudahan tersebut dan sebagaimana yang ditentukan oleh Co-opbank dari semasa ke semasa.

7.0 TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BELIAN DAN AKUJANJI PEMBELIAN KOMODITI

7.1 Pembelian Komoditi daripada mana-mana peniaga komoditi pada Jumlah Kemudahan hendaklah dibuat mengikut terma Kemudahan; dan

7.2 Akujanji Pelanggan adalah tidak boleh batal.

8.0 TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERLANTIKAN AGENSI

Pelantikan Co-opbank sebagai ejen Pelanggan adalah tanpa syarat dan muktamad dan sebagai ejen Pelanggan, Co-opbank hendaklah mematuhi aturan di dalam Perjanjian Perlantikan Wakalah (Dwi-Wakalah).

9.0 BAYARAN

9.1 Apabila Kemudahan diluluskan dan transaksi Tawarruq telah dilaksanakan, Jumlah Kemudahan akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan bersama Co-opbank atau ke dalam akaun mana mana pihak ketiga (sekiranya terpakai) atau mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Co-opbank bagi pembayaran kemudahan tertakluk kepada terma Kemudahan tersebut dan sebagaimana yang ditentukan oleh Co-opbank dari semasa ke semasa.

Pelanggan bersetuju dan memperakui bahawa Kemudahan yang telahpun dibayar kepada mana-mana pihak ketiga oleh Co-opbank bagi pihak Pelanggan adalah juga dianggap sebagai pengeluaran Jumlah Kemudahan oleh Co-opbank.

9.2 Pembayaran Harga Jualan dan/atau bayaran ansuran ini boleh dibuat oleh Pelanggan melalui potongan gaji, bayaran secara tunai/ cek atau melalui kaedah bayaran lain yang diterima oleh Co-opbank.

9A.0 SECURITY DEPOSIT

The Customer shall pay the Security Deposit based on the Shariah principle of *Hamish Jiddiyah* which shall be treated as Security Deposit in the amount as advised by Co-opbank. The Security Deposit will be deducted from the Facility amount based on the Shariah principle of *Muqassah*.

The Security Deposit shall be retained by Co-opbank during the financing tenure of the Facility as security for the due observance and performance by the Customer of the terms of the Facility.

Co-opbank has the right to deduct the Security Deposit as payment on the outstanding amount. If such an event occurred, the Customer shall replenish the deducted amount within thirty (30) days from such deduction date. In the event of failure, the Customer shall be deemed in default under the provisions of the T&C, and Co-opbank reserves the right to take appropriate action against the Customer.

10.0 CONDITIONS PRECEDENT

The disbursement of the Facility would be made subject to the following conditions:

- (i) all conditions stated in this T&C and such other terms and conditions as determined by Co-opbank are fulfilled;
- (ii) the Customer has paid all costs, stamp duty (if applicable), registration fees and other expenses in connection with the Facility;
- (iii) searches have been made on the Customer and no bankruptcy proceedings have been commenced against the Customer; and
- (iv) approvals from relevant authorities have been obtained and are still valid.

11.0 REPRESENTATIONS AND WARRANTIES BY CUSTOMER

11.1 The Customer represents and warrants to Co-opbank as follows:

- (i) that this T&C, Purchase Request, Wakalah (Dual Agency) Appointment Agreement, Letter of Offer, Murabahah Sale Contract and Product Disclosure Sheet (PDS) for the applicable product and all other documents electronically executed pursuant to the Facility constitutes the legal valid and binding obligations of the Customer enforceable in accordance with its own terms and the obligations of the Customer thereunder do not contravene any legislation or regulation binding on the Customer;

9A.0 DEPOSIT SEKURITI

Pelanggan dikehendaki membuat bayaran Deposit Sekuriti berdasarkan prinsip Shariah *Hamish Jiddiyah* sebagai Deposit Sekuriti dalam jumlah yang dikehendaki oleh Co-opbank. Deposit Sekuriti akan ditolak daripada jumlah pembiayaan berdasarkan prinsip Shariah *Muqassah*.

Deposit Sekuriti akan berada di bawah jagaan Co-opbank sepanjang tempoh pembiayaan Kemudahan sebagai jaminan bagi pematuhan dan pelaksanaan terma-terma Kemudahan oleh Pelanggan.

Co-opbank mempunyai hak untuk menolak Deposit Sekuriti sebagai pembayaran terhadap jumlah Kemudahan yang tertunggak. Sekiranya ia berlaku, Pelanggan hendaklah membayar semula jumlah yang ditolak dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penolakan tersebut. Sekiranya gagal, Pelanggan telah melakukan kemungkiran di bawah peruntukan T&C, dan Co-opbank berhak untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas Pelanggan.

10.0 PRASYARAT

Pengeluaran Kemudahan akan dibuat tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) semua syarat-syarat yang dinyatakan dalam T&C ini dan lain-lain terma dan syarat yang ditentukan oleh Co-opbank telah dipenuhi;
- (ii) Pelanggan telah membayar semua kos, duti setem (jika berkenaan), yuran pendaftaran dan lain-lain perbelanjaan berhubung dengan Kemudahan;
- (iii) carian telah dibuat ke atas Pelanggan dan tiada prosiding kebangkrapan telah dimulakan terhadap Pelanggan; dan
- (iv) kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan telah diperolehi dan masih sah.

11.0 PERNYATAAN DAN WARANTI OLEH PELANGGAN

11.1 Pelanggan menyatakan dan memberikan waranti kepada Co-opbank seperti yang berikut:

- (i) bahawa T&C ini, Permohonan Pembelian, Perjanjian Pelantikan Wakalah (Dwi-Wakalah), Surat Tawaran, Kontrak Jualan Murabahah dan Lembaran Penzahiran Produk (LPP) produk dan semua dokumen lain yang dilaksanakan secara elektronik bawah Kemudahan membentuk obligasi yang mematuhi undang-undang, sah dan mengikat Pelanggan yang boleh dikuatkuasakan menurut syaratnya sendiri dan obligasi Pelanggan di bawah peruntukan ini tidak akan melanggar apa-apa perundangan atau peraturan yang mengikat Pelanggan;

**PERSONAL FINANCING-i
TERMS AND CONDITIONS**

**PEMBIAYAAN PERIBADI-i
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- | | |
|---|--|
| <p>(ii) that the Customer is not in default under any existing agreement or contract binding on the Customer or to which Customer is subject;</p> <p>(iii) that there is no order of any court or any governmental agency or any provision of any existing agreement binding on the Customer or to which Customer is subject which would be contravened or breached by the execution delivery and performance of this T&C;</p> <p>(iv) that no lawsuits or investigations by any governmental agency, body or other regulatory authority or any other party are pending or are to be instituted against the Customer;</p> <p>(v) that no violation of any provisions of legislation, court orders, judgment and others has been committed by the Customer;</p> <p>(vi) that there are no bankruptcy proceedings pending against the Customer;</p> <p>(vii) that every license, approval or authorization of any governmental authority in Malaysia which is required in connection with the execution, performance, validity or enforceability of this T&C have been obtained and is in full force and effect; and</p> <p>(viii) that the rights and obligations of the parties under this T&C are governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.</p> | <p>(ii) bahawa Pelanggan tidak memungkirinya apa-apa perjanjian atau kontrak sedia ada yang mengikat Pelanggan atau yang Pelanggan tertakluk kepadanya;</p> <p>(iii) bahawa tiada perintah dari mana-mana mahkamah atau mana-mana agensi kerajaan atau apa-apa peruntukan dalam mana-mana perjanjian sedia ada yang mengikat Pelanggan atau yang Pelanggan tertakluk kepadanya yang akan dilanggar atau dimungkirinya melalui penguatkuasaan dan pelaksanaan T&C ini;</p> <p>(iv) bahawa tiada tuntutan mahkamah atau siasatan oleh mana-mana agensi, badan kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia lain atau mana-mana pihak lain yang belum selesai atau akan dimulakan terhadap Pelanggan;</p> <p>(v) bahawa tiada pelanggaran apa-apa peruntukan perundangan, perintah mahkamah, penghakiman dan peruntukan lain yang dilakukan oleh Pelanggan;</p> <p>(vi) bahawa tiada prosiding kebangkrutan yang belum selesai terhadap Pelanggan;</p> <p>(vii) bahawa setiap lesen, kelulusan, atau kebenaran mana-mana pihak berkuasa kerajaan di Malaysia yang diperlukan berhubung dengan penguatkuasaan, pelaksanaan, kesahan atau kebolehuatkuasaan T&C ini telah diperolehi dan berkuat kuasa dan dilaksanakan sepenuhnya; dan</p> <p>(viii) bahawa hak dan obligasi kesemua pihak di bawah T&C ini dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.</p> |
| <p>11.2 The accuracy and correctness of all matters stated in the representations and warranties in this T&C form the basis of Co-opbank's commitment to make available the Facility to the Customer. If any such representation and/or warranty made at any time hereafter be found to have been incorrect in any material respect then and in such event and notwithstanding anything to the contrary in this T&C, Co-opbank shall have the right to terminate the Facility or part or parts thereof.</p> | <p>11.2 Kebenaran dan ketepatan semua perkara yang dinyatakan dalam representasi dan jaminan dalam T&C ini merupakan asas kepada komitmen Co-opbank untuk menyediakan Kemudahan kepada Pelanggan. Jika mana-mana representasi dan/atau jaminan sedemikian yang dibuat pada bila-bila masa selepas ini, didapati tidak benar dalam apa-apa hal yang material dan jika berlaku keadaan tersebut dan dengan tidak menyentuh apa-apa yang berlawanan dalam T&C ini, Co-opbank berhak menamatkan Kemudahan ini atau mana-mana bahagiannya.</p> |
| <p>12.0 COVENANT</p> | <p>12.0 AFIRMATIF</p> |
| <p>12.1 During the tenure of the Facility, the Customer will:</p> <p>(i) punctually pay, discharge or otherwise satisfy at or before maturity or before they become delinquent, as the case may be, the monthly payment of the Sale Price and all of his/her indebtedness and other obligations of whatever nature;</p> | <p>12.1 Selama tempoh Kemudahan, Pelanggan akan:</p> <p>(i) membayar, menjelaskan atau dengan cara lain melunaskan tepat pada waktunya pada atau sebelum tempoh matang atau sebelum menjadi tertunggak, mengikut mana-mana yang berkenaan, bayaran ansuran Harga Jualan dan semua keterhutangannya dan obligasi lain walau apa pun bentuknya;</p> |

**PERSONAL FINANCING-i
TERMS AND CONDITIONS**

- (ii) simultaneously perform and carry out any and all of his/her obligations under the Facility;
- (iii) take all steps as may be necessary to ensure that there is no material adverse effect on his/her financial position;
- (iv) furnish to Co-opbank all information reasonably required by Co-opbank in relation to the Customer;
- (v) notify Co-opbank of the occurrence of an event of default or any events of default in relation to any of the Customer's other indebtedness;
- (vi) promptly notify Co-opbank in the event the Customer resigns, changes, ceases or has been terminated from his/her employment or occurrence of any event which may affect the ability of the Customer to perform his/her obligations under the Facility or the monthly salary deduction. Co-opbank shall have the right to impose a new salary deduction arrangement with the new employer of the Customer directly or through Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA), if available or applicable; and
- (vii) at any time if and when required by Co-opbank, execute or procure the security party to execute in favour of Co-opbank such guarantees, charges, assignments, mortgages or any other security documents as Co-opbank shall require to secure the Facility.

13.0 EVENTS OF DEFAULT

- 13.1 Co-opbank shall have the right with notice to the Customer, to terminate the Facility and accelerate payment of the Facility and/or demand for full payment if any of the following event or events of default(s) including but not limited to the following shall occur:
- (a) default in paying any instalments or payment and/or other monies when due and payable;
 - (b) presentation of a bankruptcy petition against the Customer;
 - (c) death or insanity of the Customer;
 - (d) if the Customer commits a default under any provision of this T&C or any agreement relating to other accounts or credit facilities granted by Co-opbank or any other financial institutions;

**PEMBIAYAAN PERIBADI-i
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- (ii) pada masa yang sama melaksanakan dan menjalankan mana- mana dan semua obligasinya di bawah Kemudahan;
- (iii) mengambil semua langkah seperti yang mungkin perlu bagi memastikan bahawa tidak ada kesan yang teruk dan ketara ke atas kedudukan kewangannya;
- (iv) memberikan semua maklumat yang perlu secara munasabah berkaitan dengan Pelanggan kepada Co-opbank;
- (v) memaklumkan Co-opbank tentang berlakunya kejadian mungkir atau apa-apa kejadian mungkir berkaitan dengan apa-apa keterhutangan lain Pelanggan;
- (vi) memaklumkan dengan segera kepada Co-opbank sekiranya Pelanggan meletakkan jawatan, menukar pekerjaan, berhenti atau diberhentikan kerja atau berlakunya sebarang kejadian yang boleh memberi kesan terhadap kemampuan Pelanggan untuk melaksanakan semua obligasi di bawah Kemudahan atau pemotongan gaji bulanan Pelanggan. Co-opbank berhak untuk mengenakan pengaturan baru pemotongan gaji dengan majikan baru Pelanggan secara langsung atau melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA), jika ada atau terpakai; dan
- (vii) pada bila-bila masa jika dikehendaki oleh Co-opbank, menyempurnakan atau memastikan pihak pemberi sekuriti untuk menyempurnakan sebarang jaminan, cagaran, penyerahanhak, gadai janji atau apa-apa dokumen sekuriti yang diperlukan oleh Co-opbank untuk menjamin Kemudahan ini.

13.0 KEJADIAN MUNGKIR

- 13.1 Co-opbank mempunyai hak dengan pemberitahuan notis kepada Pelanggan untuk menamatkan Kemudahan dan menyegerakan bayaran Kemudahan tersebut dan/atau menuntut bayaran penuh), sekiranya berlaku sesuatu kejadian atau kejadian- kejadian mungkir termasuk tetapi tidak terhad kepada kejadian seperti yang berikut:
- (a) mungkir dalam membayar ansuran atau bayaran wang lain apabila telah sampai tempoh masanya dan perlu dibayar;
 - (b) petisyen kebangkrapan dikeluarkan terhadap Pelanggan;
 - (c) kematian atau ketidaksihuan Pelanggan;
 - (d) sekiranya Pelanggan melakukan satu keingkaran di bawah mana-mana peruntukan T&C atau apa-apa perjanjian berkaitan dengan akaun-akaun lain atau kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan oleh Co-opbank atau mana-mana institusi kewangan;

**PERSONAL FINANCING-i
TERMS AND CONDITIONS**

- (e) if any information provided by the Customer whether in the course of making the application for the Facility or otherwise is incorrect or misleading or does not present an accurate representation of the relevant facts in a material particular as of the date at which it was provided;
- (f) any other event or series of events, whether related or not, including but without limitation to any material adverse change in the business, assets or financial condition of the Customer, act of violence, terrorism, hostility of war, national emergency, rebellion, revolution, insurrection, usurpation or occurrence of any epidemic/pandemic of whatsoever description or other calamity (whether occurring within or outside or directly involving Malaysia or any other place where Co-opbank may now or from time to time hereafter conduct or carry on business and whether of a national or international nature or otherwise) or other change in circumstances whatsoever has or have occurred which in the reasonable opinion of Co-opbank:
 - (i) would or might render it inadvisable or impractical for Co-opbank to make, maintain or fund the Facility or to continue to do so to allow any utilization or further utilization of the Facility; or
 - (ii) could or might affect the ability or willingness of the Customer to observe or comply with any obligation on the part of the Customer in relation to the Facility.
- (g) If legal proceedings, suit or action of any kind whatsoever be instituted against the Customer,
 - (i) if any indebtedness of the Customer above becomes due and payable and capable of being declared due and payable before its stated maturity; or
 - (ii) if the Customer goes into default under or commits a breach of any instrument or agreement relating to any such indebtedness.

**PEMBIAYAAN PERIBADI-i
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- (e) sekiranya mana-mana maklumat yang diberikan oleh Pelanggan adalah tidak benar atau mengelirukan atau memberi fakta yang tidak mewakili dengan tepat khususnya fakta-fakta berkaitan yang telah diberikan pada tarikh yang mana ia diberikan;
- (f) apa-apa kejadian ataupun rentetan kejadian sama ada ia berkaitan atau tidak, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang perubahan material yang bertentangan dalam perniagaan, aset-aset atau situasi kewangan Pelanggan, unsur perlakuan keganasan, terorisme, permusuhan di dalam peperangan, darurat nasional, penentangan, revolusi, pemberontakan, rampasan kuasa atau berlakunya apa-apa wabak/pandemik dalam apa jua bentuk sekalipun atau apa-apa bencana atau malapetaka (sama ada ia berlaku di dalam atau di luar negara atau melibatkan Malaysia secara langsung atau mana-mana tempat di mana Co-opbank mengendalikan dan menjalankan perniagaan pada masa kini atau dari semasa ke semasa selepas itu dan sama ada dalam negara atau antarabangsa atau sebaliknya) atau perubahan lain dalam apa keadaan sekalipun berlaku yang mana pada pendapat munasabah Co-opbank:
 - (i) akan atau mungkin menyebabkan ia tidak munasabah atau tidak praktikal bagi Co-opbank untuk memberi, mengekalkan atau meneruskan dengan Kemudahan tersebut atau menyambung untuk terus berbuat demikian atau membenarkan apa-apa penggunaan seterusnya bagi Kemudahan ini; atau
 - (ii) akan atau mungkin akan memberi kesan terhadap keupayaan atau kerelaan Pelanggan untuk mematuhi atau menuruti apa-apa obligasi di pihak Pelanggan di Kemudahan.
- (g) sekiranya apa-apa jua jenis prosiding undang-undang, guaman atau tindakan diambil terhadap Pelanggan,
 - (i) sekiranya terdapat sebarang keterhutangan di pihak Pelanggan di atas di mana ia perlu dibayar dan berupaya diisytiharkan sebagai perlu dibayar sebelum tempoh matang yang dinyatakan; atau
 - (ii) sekiranya Pelanggan telah gagal membayar atau melanggar apa-apa instrumen atau perjanjian yang berkaitan dengan keterhutangan tersebut.

14.0 CROSS DEFAULT

The Customer hereby agrees that if any sums shall be due from the Customer to Co-opbank at any time or if the Customer may be liable to Co-opbank on any account with Co-opbank or if Customer's default in any provisions of such account or in any other banking facilities granted by Co-opbank or granted by any other financial institutions of any of the provisions herein, then in any such event, the monies hereby secured together with all monies payable under such account or other banking facilities aforesaid shall immediately become due and payable and the security herein shall become immediately enforceable.

15.0 WAKALAH FEES AND EXPENSES

The Customer shall pay all Wakalah Fees, charges, legal and professional fees, stamp duties (if applicable), present and future taxes including but not limited to service charge, withholding or other deductions whatsoever, incidental to the Facility in accordance with guidelines issued by BNM and/or SKM and Shariah principles.

16.0 ASSIGNMENT, TRANSFER AND OUTSOURCING OF FINANCING ASSETS AND DEBT COLLECTION

16.1 The Customer shall not assign or transfer any of its rights and obligations without prior written consent of Co-opbank. Co-opbank shall be entitled to assign and/or transfer the whole or any part of Co-opbank's rights or obligations under this T&C at any time with notice to the Customer.

16.2 The Customer hereby agrees that Co-opbank shall have the right to outsource its debt collection function or sell or transfer its financing assets, including non-performing financing to any agencies, companies, licensed financial institutions or third party approved by the relevant authorities with sufficient notice to the Customer.

17.0 TA'WIDH (COMPENSATION)

17.1 It is expressly agreed by both parties that Co-opbank shall be entitled to impose on the Customer compensation (Ta'widh) charges as a direct result of delay in payment or default by the Customer based on the following mechanisms:

14.0 MUNGKIR SILANG

Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa sekiranya sejumlah wang menjadi terhutang daripada Pelanggan kepada Co-opbank pada bila-bila masa atau sekiranya Pelanggan bertanggungjawab kepada Co-opbank ke atas mana-mana akaun atau dalam mana-mana kemudahan perbankan yang telah diluluskan Co-opbank atau mana-mana institusi kewangan atau dalam mana-mana peruntukan dalam dokumen ini, maka dalam kejadian tersebut, wang yang dengan ini bercagaran bersama semua wang perlu bayar bawah akaun tersebut atau kemudahan perbankan yang lain yang disebutkan akan serta merta menjadi terhutang dan perlu dibayar dan sekuriti dalam dokumen ini akan dikuatkuasakan serta merta.

15.0 FI WAKALAH DAN PERBELANJAAN

Pelanggan perlu membayar semua Fi Wakalah, caj, fi guaman dan profesional, duti setem (sekiranya berkenaan), cukai pada masa ini dan masa hadapan termasuk tetapi tidak terhad kepada caj servis, penangguhan atau apa jua potongan yang lain dan sebagainya yang berkaitan dengan Kemudahan selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM dan/atau SKM dan prinsip-prinsip Shariah.

16.0 PENYERAHAN HAK, PINDAH MILIK DAN PENYERAHAN TUGAS ASET PEMBIAYAAN SERTA FUNGSI PEMUNGUTAN HUTANG

16.1 Pelanggan tidak boleh menyerahkan hak atau memindah milik mana-mana hak dan obligasinya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Co-opbank. Co-opbank berhak untuk menyerahkan hak dan/atau memindah milik keseluruhan atau mana-mana bahagian hak atau obligasi Co-opbank di bawah T&C ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada Pelanggan.

16.2 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Co-opbank berhak untuk menyerahkan tugas fungsi pemungutan hutangnya atau menjual atau memindah milik aset pembiayaannya, termasuk pembiayaan tidak berbayar, kepada mana-mana agensi, syarikat, institusi kewangan berlesen atau pihak ketiga yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan dengan memberikan notis yang mencukupi kepada Pelanggan.

17.0 TA'WIDH (PAMPASAN)

17.1 Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa Co-opbank berhak untuk mengenakan Pelanggan caj pampasan (Ta'widh) akibat langsung kelewatan dalam pembayaran atau keingkarannya oleh Pelanggan berdasarkan mekanisme berikut:

(a) During Facility Tenure

for default of any payments during the tenure of the Facility, at the compensation rate of one per centum (1%) per annum or such other rates approved by BNM on the overdue scheduled payment, calculated from the date immediately following the date of such default until the date of receipt of the said overdue payment in full;

(b) After expiry or maturity of Facility tenure

for default of any payment exceeding the tenure of the Facility, at such rate which shall not be more than the BNM's prevailing daily overnight Islamic Interbank Money Market ("IIMM") rate or such other rates approved by BNM on the outstanding balance (outstanding principal and accrued profit) of the Facility subject to any rebate (Ibra') that may be applicable, calculated from the date immediately following the expiry of the tenure of the Facility until date of receipt of payment in full.

(c) Post judgment debt

After a judgment is obtained, the Ta'widh imposed shall be at the rate determined by the court, tribunal, or arbitrator. However, Co-opbank will recognize, in its profit and loss account, a charge not exceeding the BNM's IIMM rate, or such other rates as may be approved by BNM, applied to the total outstanding balance.

Any remaining charges exceeding the IIMM rate shall be treated as Gharamah (penalty). All Ta'widh charges imposed shall be non-compounding, non-cumulative, and shall not form part of the principal outstanding amount.

17.2 The compensation amount shall not be compounded and the reference rate for the actual loss shall be determined at the point of default, computed on a daily basis from the payment due date.

18.0 GHARAMAH (PENALTY)

18.1 It is also expressly agreed by both parties that Co-opbank shall be entitled to impose on the Customer a penalty charge (gharamah) in accordance with guidelines by BNM and/or SKM and Shariah principles.

18.2 The penalty charge amount imposed by Co-opbank shall not be compounded on the outstanding balance of the Sale Price.

(a) Semasa Tempoh Kemudahan

bagi kemungkiran mana-mana pembayaran semasa tempoh Kemudahan, pada kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh BNM ke atas pembayaran tertunggak yang dijadualkan, dikira dari tarikh sejeurus selepas tarikh kemungkiran itu sehingga tarikh penerimaan pembayaran penyelesaian penuh tunggakan tersebut;

(b) Selepas tarikh luput atau tempoh matang Kemudahan

bagi kemungkiran mana-mana pembayaran melebihi tempoh Kemudahan, pada kadar yang tidak melebihi kadar semalaman harian Pasaran Wang antara Bank-Bank Perbankan Islam ("IIMM") di BNM atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh BNM ke atas baki tertunggak (baki tertunggak dan keuntungan terakru) Kemudahan tertakluk kepada mana-mana rebat (Ibra') yang berkenaan, dikira dari tarikh sejeurus selepas tamat tempoh Kemudahan sehingga tarikh penerimaan bayaran penuh.

(c) Hutang selepas penghakiman

Selepas penghakiman diperolehi, Ta'widh yang dikenakan adalah pada kadar yang diputuskan oleh mahkamah atau tribunal atau penimbangtara. Walaubagaimanapun, Co-opbank hanya akan mengiktiraf dalam akaun untung rugi, caj pada kadar yang tidak melebihi kadar IIMM di BNM atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh BNM ke atas keseluruhan jumlah hutang tertunggak.

Baki kutipan caj yang melebihi kadar IIMM tersebut hendaklah diuruskan sebagai Gharamah (penalti). Semua caj-caj Ta'widh yang dikenakan hendaklah caj tidak terkompau, bukan kumulatif serta tidak boleh dimasukkan ke dalam amaun prinsipal tertunggak.

17.2 Jumlah pampasan tidak boleh dikompau dan kadar rujukan bagi kerugian sebenar hendaklah ditentukan pada titik kemungkiran, dikira atas dasar harian dari tarikh matang bayaran ansuran.

18.0 GHARAMAH (PENALTI)

18.1 Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa Co-opbank juga berhak untuk mengenakan Pelanggan caj penalti (gharamah) selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM dan/atau SKM dan prinsip Shariah.

18.2 Penalti yang dikenakan oleh Co-opbank tidak mempunyai unsur kompaun ke atas baki Harga Jualan tertunggak.

**PERSONAL FINANCING-i
TERMS AND CONDITIONS**

**PEMBIAYAAN PERIBADI-i
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

19.0 CO-OPBANK'S RIGHT TO DEDUCT

- 19.1 Co-opbank has the right to deduct funds from the Customer's personal financing-i account and/or any other accounts of the Customer with Co-opbank as payment on the outstanding amount based on Shariah principle of Muqassah with written notice to the Customer.
- 19.2 In addition to Clause 19.1 above, Co-opbank shall reserve the right to take legal action against the Customer and all costs shall be borne by the Customer.

20.0 EARLY SETTLEMENT

- 20.1 The Customer may at any time make early settlement of the whole of the Sale Price, PROVIDED THAT a written notice of one (1) month prior to the intended date of early settlement is given in advance to Co-opbank.
- 20.2 The notice of early settlement once given, is irrevocable.

21.0 REBATE (IBRA')

- 21.1 Co-opbank shall grant a rebate (Ibra') to the Customer based on the Shariah principle of Ibra' in the following events:
- (i) early settlement of the Facility;
 - (ii) in the event that there is a difference between the profit portion calculated based on Ceiling Profit Rate and Effective Profit Rate (if applicable);
 - (iii) in the event there is a restructuring of the Facility;
 - (iv) in the event where Co-opbank exercised its right to terminate the Facility upon events of default; and
 - (v) in the event the Facility is cancelled due to expiry of availability period.

The rebate (Ibra') will be calculated according to the following formula:

Ibra' = Deferred Profit + Undisbursed Principal (if any) - Early Settlement Charges (if any)

Settlement Amount = Outstanding Selling Price + Ta'widh + Gharamah (if any) – Ibra'

Note: Ibra' refers to deferred profit/profit which has yet to be accrued and countable as current profit.

- 21.2 Co-opbank has the right to claim the early settlement charges in accordance with the guidelines issued by BNM and/or SKM based on Shariah principles (if any).

19.0 HAK PENOLAKAN CO-OPBANK

- 19.1 Co-opbank berhak menolak dana di dalam akaun pembiayaan peribadi-i Pelanggan dan/atau akaun-akaun lain Pelanggan di Co-opbank sebagai bayaran ke atas jumlah tertunggak berlandaskan prinsip Shariah Muqassah dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan.
- 19.2 Sebagai tambahan kepada Klausula 19.1 di atas, Co-opbank juga berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas Pelanggan dan segala kos ditanggung oleh Pelanggan.

20.0 PENYELESAIAN AWAL

- 20.1 Pelanggan boleh pada bila-bila masa membuat penyelesaian awal untuk keseluruhan Harga Jualan, DENGAN SYARAT notis bertulis diberikan kepada Co-opbank satu (1) bulan sebelum tarikh penyelesaian awal.
- 20.2 Notis penyelesaian awal yang telah diberikan, adalah tidak boleh ditarik balik.

21.0 REBAT (IBRA')

- 21.1 Co-opbank akan memberikan rebat (Ibra') wajib kepada Pelanggan berdasarkan prinsip Shariah Ibra' di dalam situasi-situasi berikut:
- (i) penyelesaian awal Kemudahan dibuat;
 - (ii) terdapat perbezaan di antara bahagian keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling dan Kadar Keuntungan Efektif;
 - (iii) sekiranya terdapat penstrukturan semula Kemudahan;
 - (iv) sekiranya Co-opbank menggunakan haknya untuk membatalkan Kemudahan oleh sebab kejadian keingkaran oleh Pelanggan;
 - (v) sekiranya Kemudahan dibatalkan disebabkan tamat tempoh ketersediaan.

Rebat (Ibra') akan dikira selaras dengan formula berikut:

Ibra' = Keuntungan Tertanggung + Prinsipal yang belum dikeluarkan (jika ada) – Caj Penyelesaian Awal (jika ada)

Jumlah penyelesaian = Baki Harga Jualan + Ta'widh + Gharamah (jika ada) – Ibra'

Nota: Ibra' merujuk kepada keuntungan tertanggung/jumlah keuntungan belum terakru yang belum diambilkira sebagai keuntungan semasa.

- 21.2 Co-opbank berhak untuk menuntut caj penyelesaian awal berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM dan/atau SKM dan prinsip-prinsip Shariah (jika ada).

**PERSONAL FINANCING-i
TERMS AND CONDITIONS**

**PEMBIAYAAN PERIBADI-i
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

22.0 INDEMNITY

The Customer agrees to indemnify and keep harmless and indemnified Co-opbank from and against all actions, claims, demands, proceedings, losses, damages, costs, charges and expenses whatsoever including stamp duty payable on the Facility (if applicable) which Co-opbank may incur or sustain by reason of providing the Facility to the Customer in accordance with guidelines issued by BNM and/or SKM and Shariah principles.

23.0 VARIATION OF INSTALMENT

Co-opbank reserves the right to vary the number and/or amount of instalments at any time with notice to the Customer in writing.

24.0 AMENDMENTS AND/OR ADDITIONAL TERMS

24.1 Co-opbank may at any time hereafter at the Customer's request convert and/or vary all or any part of the Facility hereby granted into another facility or facilities with a twenty-one (21) days' notice in writing given to the Customer and in such an event, the liability or obligations hereunder created shall continue to be valid and binding for all purpose whatsoever up to the Sale Price notwithstanding such addition or change and subject to such variations as shall be informed by Co-opbank.

24.2 Notwithstanding any provision to the contrary, the terms and conditions of this financing from time to time, be varied by Co-opbank and where the variation is material, notice will be given to the Customer, PROVIDED THAT such amendment or variation are subject to and shall be in compliance and in conformity with Shariah principles, and thereupon, the amendments and variations shall be deemed to have been made and shall be read and construed as having formed part of this financing terms and conditions at the time of execution.

25.0 TAKAFUL

25.1 The Customer is required to subscribe the Credit Takaful Protection Plan from a Takaful Operator appointed by Co-opbank or a Takaful Operator of its choice to cover the indebtedness in the event of death or permanent disability of the Customer unless otherwise decided at the discretion of Co-opbank.

22.0 TANGGUNG RUGI

Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi Co-opbank dan tetap melindungi Co-opbank dan menanggung rugi Co-opbank daripada dan terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, prosiding, kerugian, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan apa-apa jua termasuk duti setem yang perlu dibayar keatas Kemudahan (jika terpakai) yang Co-opbank tanggung atau alami lantaran menyediakan Kemudahan kepada Pelanggan selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM dan/atau SKM dan prinsip-prinsip Shariah.

23.0 PERUBAHAN ANSURAN

Co-opbank berhak untuk mengubah angka ansuran dan/atau jumlah pembayaran ansuran pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan.

24.0 PINDAAN DAN/ATAU SYARAT TAMBAHAN

24.1 Co-opbank boleh pada bila-bila masa selepas ini atas permintaan Pelanggan atau atas budi bicara Co-opbank menukar dan/ atau mengubah semua atau mana-mana bahagian Kemudahan yang dengan ini diberi kepada Kemudahan lain dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari secara bertulis kepada Pelanggan dan jika ini berlaku, liabiliti atau obligasi yang wujud menurut dokumen ini akan terus sah dan mengikat untuk apa jua tujuan sehingga Harga Jualan walau apa pun tambahan atau perubahan tersebut dan tertakluk kepada perubahan seperti yang akan dimaklumkan oleh Co-opbank.

24.2 Walau apa pun peruntukan yang berlawanan, terma-terma pembiayaan ini boleh, pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, diubah oleh Co-opbank dan jika pindaan tersebut adalah material, notis akan diberikan kepada Pelanggan, DENGAN SYARAT pindaan atau perubahan itu tertakluk kepada dan mematuhi dan menepati prinsip-prinsip Shariah dan seterusnya, pindaan dan perubahan itu akan dianggap sebagai telah dibuat dan hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai menjadi sebahagian daripada terma dan syarat pembiayaan ini pada masa ianya dimeterai

25.0 TAKAFUL

25.1 Pelanggan dikehendaki mengambil Pelan Perlindungan Takaful Kredit daripada Pengendali Takaful yang dilantik oleh Co-opbank atau Pengendali Takaful pilihan sendiri bagi menjamin jumlah keterhutangan sekiranya berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal ke atas Pelanggan kecuali jika diputuskan sebaliknya atas budibicara Co-opbank.

**PERSONAL FINANCING-i
TERMS AND CONDITIONS**

All costs related to the takaful plan shall be borne by the Customer whereby the costs incurred can be paid by the Customer or be deducted directly from the disbursement amount of the Facility.

25.2 In the event of any shortfall in the payment of the said costs prior to the disbursement of the Facility, Co-opbank has the right to claim on the shortfall in the said costs by way of a notice of claim to the Customer and the Customer hereby agrees and allows Co-opbank to debit the relevant amount from the Customer's personal financing-i account and/or any other accounts of the Customer with Co-opbank in order to settle the shortfall.

26.0 RIGHT OF CONSOLIDATION AND SET OFF

26.1 Following an Event of Default, Co-opbank shall have the right to consolidate any or all accounts of the Customer with Co-opbank whenever applicable based on the methods allowed by Shariah.

26.2 Following an Event of Default, and in addition to and without prejudice to the powers, rights and remedies of Co-opbank in this T&C, the Customer hereby authorises Co-opbank to set-off against any of Co-opbank's lien against any Customer's asset in any currency which may at any time be in the possession of Co-opbank to the full extent of all amounts payable to Co-opbank hereunder PROVIDED ALWAYS THAT Co-opbank shall exercise its right to set-off with written notice to the Customer.

27.0 CO-OPBANK'S RIGHT TO COMMENCE LEGAL PROCEEDING

27.1 Upon default or breach by the Customer of any term, covenant, stipulation and/or undertaking herein provided and on the part of the Customer to be observed and performed, Co-opbank shall thereafter have the right to exercise all or any of the remedies available whether by this letter of offer, by statute or otherwise and shall be entitled to exercise such remedies concurrently, including pursuing a civil suit to recover all moneys due and owing to Co-opbank. All costs related to the legal proceeding shall be borne by Customer.

27.2 Without prejudice to Co-opbank's rights under Clause 27.1 above, Co-opbank shall be entitled to commence legal proceedings against the Customer if the Customer's financing account shows arrears in the Monthly Instalment Payment exceeding one (1) month.

**PEMBIAYAAN PERIBADI-i
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

Semua kos yang berkaitan dengan pelan takaful hendaklah ditanggung oleh Pelanggan yang boleh dibayar sendiri oleh Pelanggan atau ditolak terus daripada jumlah pengeluaran Kemudahan.

25.2 Jika terdapat apa-apa kekurangan pada bayaran kos tersebut sebelum pengeluaran Kemudahan, Co-opbank berhak menuntut kekurangan kos tersebut melalui notis tuntutan kepada Pelanggan dan Pelanggan dengan ini bersetuju dan membenarkan Co-opbank untuk mendebitkan amaun berkenaan daripada akaun pembiayaan peribadi-i Pelanggan dan/atau akaun-akaun lain Pelanggan di Co-opbank untuk menyelesaikan kekurangan tersebut.

26.0 HAK PENYATUAN DAN TOLAK SELESAI

26.1 Setelah berlakunya kejadian mungkir, Co-opbank berhak menyatukan mana-mana atau semua akaun Pelanggan mana-mana berkenaan berdasarkan kaedah yang dibenarkan oleh Shariah.

26.2 Setelah berlakunya kejadian mungkir, dan sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada kuasa, hak dan remedi Co-opbank dalam T&C ini, Pelanggan dengan ini membenarkan Co-opbank untuk menolak selesai dengan mana-mana lien Co-opbank terhadap aset milik Pelanggan dalam mana-mana matawang pada bila-bila masa ia berada dalam pegangan Co-opbank setakat jumlah perlu dibayar kepada Co-opbank dalam dokumen ini DENGAN SYARAT bahawa Co-opbank menggunakan haknya untuk menolak selesai dengan memberikan notis bertulis kepada Pelanggan.

27.0 HAK CO-OPBANK UNTUK MEMULAKAN PROSIDING UNDANG-UNDANG

27.1 Apabila Pelanggan mungkir atau melanggar mana-mana syarat, waad, ketetapan dan/atau akujanji yang diperuntukkan dalam dokumen ini dan yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh Pelanggan, Co-opbank akan selepas itu berhak melaksanakan semua atau mana-mana remedi yang ada sama ada melalui terma dan syarat ini, statut atau selainnya dan berhak melaksanakan remedi tersebut secara serentak, termasuk mengambil tuntutan sivil untuk mendapatkan kembali semua wang yang perlu dibayar dan terhutang kepada Co-opbank. Segala kos berkaitan prosiding undang-undang ini adalah ditanggung oleh Pelanggan.

27.2 Tanpa prejudis kepada mana-mana hak dan remedi Co-opbank di bawah Klausa 27.1 di atas, Co-opbank berhak memulakan tindakan undang-undang terhadap Pelanggan jika akaun pembiayaan Pelanggan menunjukkan tunggakan Bayaran Ansuran Bulanan yang melebihi satu (1) bulan.

- | | | | |
|-------------|---|-------------|--|
| 27.3 | The Customer shall settle the outstanding amount and Ta'widh and/or Gharamah, where applicable, within seven (7) days from the date of the notice of demand issued by Co-opbank's panel solicitor. | 27.3 | Pelanggan perlu menjelaskan amaun tertunggak dan Ta'widh dan/atau Gharamah, sekiranya berkenaan, dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh notis tuntutan yang dikeluarkan oleh panel peguam Co-opbank. |
| 27.4 | If the Customer fails to comply with the notice referred to in paragraph 27.3, Co-opbank shall be entitled to issue or instruct its panel solicitor to issue a notice of termination to demand the entire outstanding balance without further reference to the Customer. | 27.4 | Jika Pelanggan gagal mematuhi notis yang dinyatakan pada perenggan 27.3, Co-opbank berhak untuk mengemukakan atau mengarahkan panel peguam mengemukakan notis penamatan untuk menuntut keseluruhan baki terhutang tanpa merujuk kepada Pelanggan. |
| 27.5 | If the Customer fails to comply with the notice referred to in paragraph 27.3, Co-opbank shall be entitled to commence or instruct its panel solicitor to commence tribunal/civil proceedings against the Customer without further reference to the Customer; and | 27.5 | Jika Pelanggan gagal mematuhi notis yang dinyatakan pada perenggan 27.3, Co-opbank berhak untuk memulakan tindakan atau mengarahkan panel peguam memulakan tindakan tribunal/sivil terhadap Pelanggan tanpa merujuk kepada Pelanggan; dan |
| 27.6 | All costs in connection with such action shall be debited into the Customer's financing account. | 27.6 | Segala kos berhubung tindakan ini akan didebitkan ke dalam akaun pembiayaan Pelanggan. |
| 28.0 | RIGHT TO DISCLOSE INFORMATION | 28.0 | HAK UNTUK MENDEDAHKAN MAKLUMAT |
| 28.1 | The Customer irrevocably authorises and permits Co-opbank, its authorised officers and employees to disclose and furnish all information concerning the Facility, this T&C, present and future accounts of the Customer and any other matters relating to the Customer or its business and operations to: | 28.1 | Pelanggan memberi kuasa dan kebenaran tidak boleh batal kepada Co-opbank, pegawai dan pekerja untuk mendedahkan dan menyampaikan segala maklumat berkaitan Kemudahan, T&C ini, akaun masa kini dan masa akan datang Pelanggan dan sebarang hal lain berkaitan dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada: |
| | (a) other financial institutions granting or intending to grant any financing or credit facilities to the Customer, the Credit Bureau or any other central credit bureau established by BNM, Cagamas Berhad, any other relevant authority as may be authorised by law to obtain such information or such authorities/agencies established by BNM; | | (a) institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang memberi sebarang kemudahan kredit kepada Pelanggan, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit pusat lain yang ditubuhkan oleh BNM, Cagamas Berhad, mana-mana pihak berkuasa berkenaan lain yang diberikan kuasa di sisi undang-undang untuk mendapatkan maklumat sedemikian atau pihak berkuasa/agensi lain yang ditubuhkan oleh BNM; |
| | (b) any party intending to provide security in respect of the Facility; | | (b) mana-mana pihak yang bercadang menyediakan cagaran bagi Kemudahan; |
| | (c) Co-opbank's auditors, solicitors and/or other agents in connection with the recovery of moneys due and payable hereunder; and | | (c) juruaudit Co-opbank, peguam dan/atau ejen-ejen lain bersabit dengan usaha mendapatkan kembali jumlah wang yang kena bayar dan belum bayar; dan |
| | (d) Co-opbank's professional advisers, service providers, nominees, agents, contractors or third party service providers who are involved in the provision of products and services to or by Co-opbank and its related or associated companies. | | (d) penasihat profesional Co-opbank, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam usaha penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh Co-opbank dan syarikat berkaitan/bersekutu Co-opbank. |

- | | | | |
|-------------|---|-------------|---|
| 28.2 | The Customer hereby irrevocably consents to such disclosure and confirms that Co-opbank, its officers and employees shall be under no liability for furnishing such information or for the consequences of any reliance which may be placed on the information so furnished in accordance with this T&C. | 28.2 | Pelanggan dengan ini memberi persetujuan tidak boleh batal dalam hal pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa Co-opbank, para pegawai dan pekerjaanya tidaklah bertanggungjawab atas penyampaian maklumat tersebut atau atas akibat pergantungan kepada maklumat yang disampaikan itu selaras dengan T&C ini. |
| 28.3 | Customer hereby agrees and consents to the holding, collection and use of all personal data provided to Co-opbank by the Customer and/or acquired by Co-opbank from the public domain, as well as personal data that arises as a result of the provision of services to the Customer in connection with the Facility in accordance with the Privacy Notice of Co-opbank as may be amended from time to time. Privacy Notice shall mean Co-opbank's policies and principles pertaining to the collection, use and storage of personal information of existing and prospective individuals and entities dealing with Co-opbank as may be amended from time to time and made available at Co-opbank's website respectively or in such manner as Co-opbank deems appropriate from time to time. | 28.3 | Pelanggan dengan ini memberi persetujuan dalam hal memegang, mengumpul dan menggunakan segala data peribadi yang diberikan kepada Co-opbank oleh Pelanggan dan/atau diperoleh oleh Co-opbank daripada domain awam, serta juga data peribadi yang timbul hasil daripada menyediakan perkhidmatan kepada Pelanggan bersabit dengan Kemudahan ini selaras dengan Notis Privasi Co-opbank yang dipinda dari semasa ke semasa. Notis Privasi bermakna dasar dan prinsip Co-opbank berkenaan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat data peribadi individu dan entiti sedia ada dan prospektif yang berurusan dengan Co-opbank seperti mana dipinda dari semasa ke semasa dan boleh didapati di laman sesawang Co-opbank atau mengikut cara yang Co-opbank anggap sesuai dari semasa ke semasa. |
| 29.0 | SERVICE FOR NOTICES, COMMUNICATIONS AND LEGAL PROCESS, ETC. | 29.0 | PENYAMPAIAN NOTIS, KOMUNIKASI DAN PROSES PERUNDANGAN, DLL. |
| 29.1 | Any communication or notice required or permitted to be given or made under this T&C to Co-opbank or the Customer shall be in writing. In the case of Co-opbank, it may be by electronic means (including but not limited to electronic mail, short messaging service (SMS), mobile or internet banking application or publication in Co-opbank's official website). | 29.1 | Apa-apa komunikasi atau tuntutan notis yang dikehendaki atau dibenarkan untuk diberikan atau dibuat di bawah T&C ini kepada Co-opbank atau Pelanggan hendaklah dibuat secara bertulis. Bagi pihak Co-opbank, komunikasi atau notis tersebut boleh dibuat melalui kaedah elektronik (termasuk tetapi tidak terhad kepada mel elektronik, khidmat pesanan ringkas (SMS), aplikasi perbankan mudah alih atau internet, atau melalui penerbitan di laman sesawang rasmi Co-opbank). |
| 29.2 | Any communication or notice, shall be deemed to have been sufficiently given or made if: - | 29.2 | Apa-apa komunikasi atau tuntutan notis hendaklah disifatkan sebagai telah diberikan atau penyampaian telah dibuat dengan sempurna sekiranya: - |
| | a) sent by ordinary or registered post sent to the respective address of the parties hereto and shall be deemed to have been served on and duly received by the other party or parties after the expiration of five (5) days from the date it is posted; | | a) dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar ke alamat pihak-pihak yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini, dan hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan dan diterima dengan sempurna oleh pihak yang satu lagi atau pihak-pihak yang lain selepas tamat tempoh lima (5) hari dari tarikh ia dipos; |
| | b) or if delivered by hand or sent by courier to the party to be served on his or its solicitors, on the day it was delivered; or | | b) atau jika diserahkan dengan tangan atau dihantar melalui kurier kepada pihak yang hendak disampaikan atau kepada peguam caranya, pada hari ia diserahkan; atau |
| | c) in the case of Co-opbank, if by electronic means, including but not limited to electronic mail, SMS, mobile or internet banking applications, or publication on Co-opbank's official website or any electronic platform to the Customer's last known contact details in Co-opbank's records and shall be deemed received in the case of electronic mail, twenty-four (24) hours after it has been sent, | | c) bagi pihak Co-opbank, jika melalui kaedah elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada mel elektronik, SMS, aplikasi perbankan mudah alih atau internet, atau penerbitan di laman sesawang rasmi Co-opbank atau mana-mana platform elektronik kepada butiran perhubungan terakhir Pelanggan yang diketahui berdasarkan rekod |

provided that no notification of delivery failure is received, and in the case of other electronic means, on the date such notice is sent, posted, displayed or made available.

Co-opbank, dan hendaklah disifatkan sebagai telah diterima, bagi mel elektronik, dua puluh empat (24) jam selepas ia dihantar, dengan syarat tiada pemberitahuan kegagalan penghantaran diterima, dan bagi kaedah elektronik lain, pada tarikh tuntutan notis tersebut dihantar, dipaparkan, diterbitkan atau disediakan.

29.2A Service of all legal process shall be validly effected if served by posting the same by way of registered post to the Customer's last known address in Co-opbank's record and that such legal process shall be sufficiently served five (5) days after posting thereof. Such service of legal process shall be under the hand of any authorized officer of Co-opbank or a solicitor or firm of solicitors purporting to act for Co-opbank.

29.2A Penyampaian semua proses perundangan hendaklah dianggap telah disempurnakan dengan sah sekiranya disampaikan melalui pos berdaftar ke alamat terakhir Pelanggan yang diketahui berdasarkan rekod Co-opbank, dan proses perundangan tersebut hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan dengan sempurna selepas lima (5) hari dari tarikh pengeposan. Penyampaian proses perundangan tersebut hendaklah dibuat oleh mana-mana pegawai Co-opbank yang diberi kuasa atau peguam cara atau firma guaman yang bertindak atau dikatakan bertindak bagi pihak Co-opbank.

29.3 No change in contact details of the Customer howsoever brought about shall be effective or binding on Co-opbank unless the Customer has given to Co-opbank actual notice in writing of the change of address and nothing done in reliance on this provision shall be affected or prejudiced by any subsequent change in the address of the Customer over which Co-opbank has no actual knowledge of at the time the act or thing was done or carried out.

29.3 Perubahan alamat Pelanggan yang dibuat dalam apa jua cara sekalipun tidak akan berkuat kuasa atau mengikat Co-opbank melainkan Pelanggan telah memberikan notis sebenar secara bertulis kepada Co-opbank tentang perubahan alamat dan tiada apa-apa yang dilakukan di bawah peruntukan ini akan terjejas atau dimudaratkan oleh apa-apa perubahan pada alamat Pelanggan jika Co-opbank tidak mengetahuinya pada masa tindakan atau perkara tersebut dilakukan atau dilaksanakan.

30.0 FORCE MAJEURE

Notwithstanding any other provisions herein, in the event Co-opbank is unable to perform any operations or to provide any services due to any reason beyond Co-opbank's control including but not limited to fire, flood, riots, act of God, any failure or disruption to telecommunications, electricity, water, fuel supply, strikes, rebellion, civil commotion, riots, wars, invasion, epidemic, pandemic, quarantine, or any factor in a nature of a force majeure, Co-opbank shall not in any way be liable for any inconvenience, loss, injury, damages suffered or incurred by the Customer arising from the same.

30.0 FORCE MAJEURE

Walau apa pun peruntukan yang terkandung di dalam ini, sekiranya Co-opbank tidak dapat melaksanakan sebarang operasi atau menyediakan sebarang perkhidmatan atas apa jua sebab di luar kawalan Co-opbank termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, banjir, rusuhan, bencana alam, sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, bekalan elektrik, air, bahan api, kejadian mogok, pemberontakan, rusuhan, peperangan, pencerobohan, epidemik/wabak, pandemik, aktiviti kuarantin, atau sebarang faktor mirip force majeure, Co-opbank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesukaran, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada force majeure.

31.0 SEVERABILITY

Any term, condition, stipulation, provision, covenant or undertaking in this T&C or any part which is illegal, void, prohibited or unenforceable in any jurisdiction shall as to such jurisdiction be ineffective to the extent of such illegality, voidness, prohibition or unenforceability without invalidating the remaining provisions or parts of this T&C and any such illegality, voidness, prohibition or unenforceability in any jurisdiction shall not invalidate or render illegal, void or unenforceable any other term, condition,

31.0 KEBOLEHASINGAN

Sebarang terma, syarat, ketentuan, peruntukan, waad atau akujanji dalam T&C ini atau mana-mana bahagiannya yang menyalahi undang-undang, tak sah, dilarang atau tak boleh dikuatkuasakan dalam mana-mana bidang kuasa hendaklah bagi bidang kuasa tersebut menjadi tak efektif setakat kepenyalahan undang-undang, ketaksahan, larangan atau ketakbolehuatkuasaan tersebut tanpa mentaksahkan peruntukan-peruntukan yang lain atau bahagian-bahagian lain dalam T&C ini dan

stipulation, provision, covenant or undertaking in any other jurisdiction.

sebarang kepenyalahan undang-undang, ketaksahan, larangan atau ketakbolehkuatkuasaan dalam mana-mana bidang kuasa tidak akan mentaksahkan atau menyebabkan salah di sisi undang-undang, tak sah atau tak boleh dikuatkuasakan mana-mana terma lain, syarat, ketentuan, peruntukan, waad atau aku janji dalam mana-mana bidang kuasa yang lain.

32.0 GOVERNING LAW

This T&C contained herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia. The Customer hereby agrees to submit to the non-exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia.

32.0 UNDANG-UNDANG TERPAKAI

T&C yang terkandung di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia.

32A.0 SHARIAH PRINCIPLE

The Customer hereby agree and acknowledge that:

- (a) its rights and obligations under this Facility are intended to be subject to and in conformity with Shariah principles as determined by the Shariah Advisory Council of BNM and/or Shariah Advisory Committee of SKM and/or Co-opbank and it has accepted the Shariah compliant nature of the Facility;
- (b) it shall not take any steps or bring any proceedings in any forum to challenge the Shariah compliance of the Facility;
- (c) the principle of payment of interest is repugnant to Shariah and, accordingly, to the extent that any court would impose, any obligation to pay interest, whether by contract or by statute, the parties shall waive and reject any entitlement to recover interest from each other; and
- (d) none of its obligations under the Facility shall be diminished, abrogated, impaired, invalidated or otherwise adversely affected by any finding, declaration, pronouncement, order or judgment of any court, tribunal or other body that the Facility is not compliant with Shariah.

32A.0 PRINSIP SHARIAH

Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa:

- (a) hak dan kewajipannya di bawah Kemudahan ini adalah tertakluk kepada dan selaras dengan prinsip Shariah seperti yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM dan/atau Jawatankuasa Penasihat Syariah SKM dan/atau Co-opbank dan Pelanggan telah mengakui sifat patuh Syariah bagi Kemudahan ini;
- (b) Pelanggan tidak akan mengambil apa-apa langkah atau memulakan sebarang prosiding di mana-mana forum untuk mencabar pematuhan Shariah Kemudahan ini;
- (c) Prinsip bayaran faedah adalah bertentangan dengan Shariah dan, oleh itu, sebagaimana pihak mahkamah boleh mengenakan, apa-apa kewajipan untuk membayar faedah, sama ada melalui kontrak atau mengikut statut, pihak-pihak hendaklah mengetepikan dan menolak apa-apa hak untuk mendapatkan semula faedah daripada satu sama lain; dan
- (d) tiada satu pun kewajipan Pelanggan di bawah Kemudahan boleh dikurangkan, dimansuhkan, terjejas, tidak sah atau sebaliknya terjejas oleh apa-apa penemuan, pengisytiharan, pengumuman, perintah atau penghakiman mana-mana mahkamah, tribunal atau badan-badan lain bahawa Kemudahan ini tidak mematuhi Syariah.

33.0 TIME

Time wherever mentioned shall be of the essence.

33.0 MASA

Masa dimana tersebut di sini adalah intipati dalam T&C ini.

**PERSONAL FINANCING-i
TERMS AND CONDITIONS**

**PEMBIAYAAN PERIBADI-i
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

34.0 INTEGRITY

During the tenure of the Facility, the Customer will ensure that it has never and would not:-

- (i) use the Facility for any unlawful contribution, gift, entertainment or other unlawful expense relating to political activity; or
- (ii) violate any provision of any applicable law or regulation implementing any anti-corruption or other similar law in Malaysia or any other jurisdiction, including, in each case, the rules and regulations thereunder; or
- (iii) take any action in furtherance of an offer, payment, gift or anything else of value, directly or indirectly, to any person while knowing that all or some portion of the money or value will be offered, given or promised to anyone to improperly influence official action, to obtain or retain business or otherwise to secure any improper advantage; or
- (iv) otherwise make any bribe, rebate, payoff, influence payment, unlawful kickback or other unlawful payment.

Failure to observe or perform any terms and conditions under this clause may tantamount to a breach of term as referred to Clause 13.1(d) herein.

35.0 SUCCESSORS BOUND

This T&C shall be binding upon and enure to the benefit of Co-opbank and its successors in title and assign as well as the Customer and its respective estates or personal representatives.

36.0 SMS REMINDER

36.1 Co-opbank shall be entitled at any time and at its sole discretion to send to the Customer reminders in respect of any instalment due ("Reminder"), whether or not the Customer has requested for the same and the Customer may be notified of each Reminder via mobile phone (if supported by the Customer phone operator) subject to the relevant terms and charges of the phone operator.

36.2 The Customer is fully aware that the Customer's receipt of each Reminder may be delayed or prevented by factor(s) affecting the relevant service provider(s),

34.0 INTEGRITI

Sepanjang tempoh Kemudahan, Pelanggan hendaklah memastikan bahawa Pelanggan tidak pernah dan tidak akan:-

- (i) menggunakan Kemudahan untuk sebarang sumbangan, hadiah, hiburan atau perbelanjaan lain berkaitan dengan aktiviti politik yang menyalahi undang-undang; atau
- (ii) melanggar mana-mana peruntukan undang-undang atau peraturan yang melaksanakan mana-mana undang-undang anti-rasuah atau undang-undang lain yang sama di Malaysia atau mana-mana bidang kuasa lain, termasuk, dalam setiap kes, peraturan-peraturan di bawahnya; atau
- (iii) mengambil apa-apa tindakan lanjutan daripada tawaran, bayaran, hadiah atau apa-apa lain yang bernilai, secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana orang sedangkan telah diketahui bahawa semua atau sebahagian daripada wang atau nilai itu akan ditawarkan, diberikan atau dijanjikan kepada sesiapa sahaja untuk mempengaruhi tindakan pihak penguatkuasa, untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau untuk mendapatkan sebarang kelebihan yang tidak wajar; atau
- (iv) sebaliknya membuat apa-apa rasuah, rebat, bayaran, bayaran untuk mempengaruhi, sogokan atau pembayaran lain yang menyalahi undang-undang.

Kegagalan untuk mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma dan syarat di bawah klausa ini boleh membawa kepada keingkaran terma seperti yang dirujuk di Klausa 13.1(d) di sini.

35.0 PENGGANTI HAKMILIK TERIKAT

T&C ini hendaklah mengikat dan memanfaatkan demi manfaat Co-opbank dan pengganti hak milik dan penerima serah haknya dan Pelanggan berserta estet atau wakil peribadi, mengikut mana-mana yang berkenaan.

36.0 PERINGATAN SMS

36.1 Co-opbank berhak menghantar peringatan kepada Pelanggan berhubung dengan mana-mana ansuran yang terhutang ("Peringatan"), sama ada Pelanggan memohon Peringatan tersebut atau tidak dan Pelanggan boleh diberitahu tentang setiap Peringatan melalui telefon bimbit (jika disokong oleh pengendali telefon Pelanggan) tertakluk kepada syarat dan caj berkaitan daripada pengendali telefon tersebut.

36.2 Pelanggan menyedari bahawa setiap Peringatan yang diterimanya mungkin terlewat atau terhalang oleh faktor yang melibatkan penyedia

	<p>phone operator(s) and any other relevant entities. The Customer accepts that Co-opbank neither guarantees the delivery nor accuracy of the contents of each Reminder and shall not be liable to the Customer or anyone else for losses or damages arising from:</p>		<p>perkhidmatan berkaitan, pengendali telefon dan mana-mana entiti lain yang berkaitan. Pelanggan bersetuju bahawa Co-opbank tidak menjamin penghantaran atau ketepatan kandungan setiap Peringatan dan tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan atau orang lain bagi kerugian atau ganti rugi yang berpunca daripada:</p>
	(i) a non-delivery, delayed delivery or wrongful delivery of each Reminder;		
	(ii) inaccurate content each Reminder; or		(i) setiap Peringatan yang tidak dihantar, terlewat atau tersalah hantar; atau;
	(iii) the Customer's use of reliance on the contents of any Reminder for any purposes.		(ii) kandungan setiap Peringatan yang tidak tepat; atau
<p>36.3 The information in respect of any Reminder may be subject to certain time lags and/or delays. The features of any Reminder may at any time be varied or discontinued by Co-opbank, with or without notice, at its absolute discretion.</p>	<p>36.3 Maklumat berhubung dengan apa-apa Peringatan mungkin tertakluk kepada selang masa dan/atau kelewatan tertentu. Bentuk apa-apa Peringatan boleh pada bila-bila masa, diubah atau dihentikan oleh Co-opbank, dengan atau tanpa notis, atas budi bicara Co-opbank.</p>		
<p>37.0 TELEPHONE MONITORING AND RECORDING</p>	<p>The Customer authorizes Co-opbank to contact the Customer by telephone about the Facility. The Customer agrees that Co-opbank may place such telephone calls using an automatic dialling and that such calls will not be unsolicited calls. From time to time, Co-opbank may monitor and/or record the telephone calls between the Customer and Co-opbank. The Customer further authorizes Co-opbank to monitor and/or record the telephone conversation at any time and that no additional notice to the Customer or additional approval from the Customer is needed.</p>	<p>37.0 PEMANTAUAN DAN RAKAMAN TELEFON</p>	<p>Pelanggan membenarkan Co-opbank menghubungi Pelanggan melalui telefon berhubung dengan Kemudahan ini. Pelanggan bersetuju bahawa Co-opbank boleh membuat panggilan telefon tersebut menggunakan pendailan automatik dan panggilan tersebut bukanlah panggilan yang tidak diminta. Co-opbank boleh, dari semasa ke semasa, memantau dan/atau merakam panggilan telefon antara Pelanggan dengan Co-opbank. Pelanggan selanjutnya membenarkan Co-opbank memantau dan/atau merakam perbualan telefon pada bila-bila masa dan tiada notis tambahan kepada Pelanggan atau kelulusan tambahan daripada Pelanggan diperlukan.</p>
<p>38.0 STATEMENT OF ACCOUNT</p>	<p>A statement of account in writing stating the amount payable by the Customer in respect of the Facility issued by or on behalf of Co-opbank thereof shall in the absence of manifest error be conclusive evidence that such amount is in fact due and payable by the Customer.</p>	<p>38.0 PENYATA AKAUN</p>	<p>Penyata akaun secara bertulis yang menyatakan jumlah yang perlu dibayar oleh Pelanggan berhubung dengan Kemudahan yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Co-opbank adalah muktamad, melainkan jika terdapat kesilapan nyata, bahawa jumlah tersebut sebenarnya terhutang dan perlu dibayar oleh Pelanggan.</p>
<p>39.0 WAIVER</p>	<p>No relaxation, forbearance, indulgence, failure or delay on the part of Co-opbank in exercising nor any omission to exercise any right, power, privilege or remedy accruing to Co-opbank under these T&C upon any default on the part of the Customer shall impair such right, power, privilege or remedy or be construed as a waiver thereof or an acquiescence in any default affect or impair any right, power, privilege or remedy of Co-opbank in respect of any other or subsequent default nor</p>	<p>39.0 PENEPIAN</p>	<p>Tiada keringanan, tolak ansur, kelonggaran, kegagalan atau kelewatan di pihak Co-opbank untuk melaksanakan atau apa-apa pengabaian untuk melaksanakan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang terakru kepada Co-opbank di bawah T&C ini setelah berlakunya apa-apa kemungkiran di pihak Pelanggan akan menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tersebut atau ditafsirkan sebagai</p>

shall any single or partial exercise of any right or remedy prevent any further or other exercise thereof or the exercise of any other right or remedy. The right and remedies herein provided are cumulative and not exclusive of any other rights or remedies provided by law.

40.0 RECONSTRUCTION OF CO-OPBANK AND THE OBLIGATION OF THE CUSTOMER

The rights, liabilities, obligations created pursuant to these T&C shall continue to be valid and binding for all purposes whatsoever notwithstanding any change by amalgamation, re-construction of Co-opbank and similarly the liabilities and/or obligations created by these T&C shall continue to be valid and binding for all purposes whatsoever upon the Customer and the Customer shall remain liable in relation to the obligations and liabilities created herein.

41.0 INDULGENCE

The liability and obligation of the Customer shall not be impaired or discharged by reason of any time forbearance or other indulgences being granted by or with the consent of Co-opbank to the Customer or to any person who or which may be in anyway liable to pay any of the monies secured hereby or by any other security in favour of Co-opbank or by reason of any arrangement being entered into or composition accepted by Co-opbank modifying the operation of law or otherwise the rights and remedies of Co-opbank under these T&C.

42.0 CHANGES IN CIRCUMSTANCES

If any change in applicable law, regulation or regulatory requirement or in the interpretation or application thereof or if compliance by Co-opbank with any applicable direction, request or requirement (whether a not having the force of law) or any governmental or other authority shall result in imposing on Co-opbank any condition burden or obligation which renders it undesirable, in the absolute opinion of Co-opbank to make available or maintain the Facility, then upon notice from Co-opbank, the Facility shall be deemed to be cancelled in which event the Customer shall pay to Co-opbank the indebtedness within seven (7) days from the receipt by the Customer of such notice.

**PEMBIAYAAN PERIBADI-i
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

penepiannya atau persetujuan dalam apa-apa kemungkiran yang menjejaskan atau memudaratkan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi Co-opbank berkenaan apa-apa kemungkiran lain atau berikutnya dan apa-apa pelaksanaan tunggal atau separa apa-apa hak atau remedi tidak akan menghalang apa-apa pelaksanaan lain atau seterusnya atau pelaksanaan apa-apa hak atau remedi lain. Hak dan remedi yang diperuntukkan dalam dokumen ini adalah bersifat kumulatif dan tidak bersifat eksklusif terhadap apa-apa hak atau remedi lain yang diperuntukkan oleh undang-undang.

40.0 PEMBENTUKAN SEMULA CO-OPBANK DAN OBLIGASI PELANGGAN

Hak, liabiliti, obigasi yang diwujudkan menurut T&C ini akan terus sah dan mengikat bagi apa jua tujuan walaupun apa-apa perubahan melalui penggabungan, pembentukan semula atau selainnya mungkin dibuat dalam perlembagaan Co-opbank dan begitu juga liabiliti dan/atau obligasi yang diwujudkan oleh T&C ini akan terus sah dan mengikat bagi apa jua tujuan ke atas Pelanggan dan Pelanggan akan tetap bertanggunggan ke atas obligasi dan liabiliti yang diwujudkan dalam dokumen ini.

41.0 KELONGGARAN

Liabiliti dan obligasi Pelanggan tidak akan terjejas atau dilepaskan ekoran sebarang tolak ansur atau kelonggaran lain yang diberikan oleh atau dengan kebenaran Co-opbank kepada Pelanggan atau kepada mana-mana orang yang mungkin, dalam apa jua cara, bertanggunggan untuk membayar apa-apa wang yang dengan ini bercagar atau melalui apa-apa sekuriti lain untuk Co-opbank atau disebabkan oleh apa-apa pengaturan yang dibuat atau komposisi yang diterima oleh Co-opbank yang mengubah suai penguatkuasaan undang-undang atau selainnya hak dan remedi Co-opbank di bawah T&C ini.

42.0 PERUBAHAN KEADAAN

Jika apa-apa perubahan dalam undang-undang, peraturan atau keperluan kawal selia yang terpakai atau dalam pentafsiran atau penggunaannya atau jika Co-opbank mematuhi apa-apa arahan, permintaan atau keperluan yang terpakai (sama ada mempunyai kuat kuasa undang-undang atau tidak) atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa lain akan menyebabkan Co-opbank dikenakan apa-apa syarat, bebanan atau obligasi, yang pada pendapat mutlak Co-opbank, menyebabkan Kemudahan tidak dapat disediakan atau dikekalkan, maka setelah menerima notis daripada Co-opbank, Kemudahan tersebut hendaklah disifatkan sebagai dibatalkan dan dalam keadaan tersebut, Pelanggan hendaklah membayar keterhutangan kepada

Co-opbank dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Pelanggan menerima notis tersebut.

43.0 ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES ACT 2001 (ACT 613) (“AMLA”)

During the tenure of the Facility, the Customer will ensure that it has never and would not:

- (i) engage, directly or indirectly, in a transaction that involves proceeds of any unlawful activity;
- (ii) acquire, receive, possess, disguise, transfer, convert, exchange, carry, dispose, use, remove from or bring into Malaysia proceeds of any unlawful activity; or
- (iii) conceal, disguise or impede the establishment of the true nature, origin, location, movement, disposition, title of, rights with respect to, or ownership of, proceeds of any unlawful activity.

Co-opbank has the right to lodge a report to the relevant authorities and to extend full cooperation in order for the authorities to carry out their duties under AMLA.

43.0 AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN 2001 (AKTA 613) (“AMLA”)

Sepanjang tempoh Kemudahan, Pelanggan hendaklah memastikan bahawa Pelanggan tidak pernah dan tidak akan:

- (i) melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam urusan niaga yang melibatkan hasil yang didapati daripada apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- (ii) memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukarkan, membawa, melupuskan, menggunakan, mengeluarkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia hasil yang didapati daripada apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
- (iii) melindungi, menyembunyikan atau menghalang tindakan bagi mengesahkan sifat sebenar, asal, lokasi, pergerakan, pelupusan, hak milik, hak berkaitan dengan, atau pemilikan hasil yang didapati daripada aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Co-opbank berhak melaporkan kepada pihak berkuasa dan memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjalankan tanggungjawab mereka di bawah peruntukan AMLA.

44.0 REVIEW

Co-opbank reserves the right to review the Facility at any time and from time to time irrespective of whether or not an event of default has occurred. Upon such review, subject to compliance with Shariah principles, Co-opbank shall be entitled to vary the terms and conditions of the Facility or any part thereof by providing twenty-one (21) days' notice to the Customer. In such event, the Customer agrees to immediately accept such decision and pay to Co-opbank the indebtedness then due and outstanding under the Facility.

The Customer agrees that Co-opbank has no further obligation either at law or in equity to make or continue to make available the Facility to the Customer.

44.0 SEMAKAN

Pihak Co-opbank berhak untuk mengkaji semula Kemudahan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tanpa mengambil kira sama ada kejadian keingkaran telah berlaku. Apabila kajian semula tersebut dilakukan, tertakluk kepada prinsip-prinsip Shariah, Co-opbank berhak untuk mengubah terma-terma dan syarat-syarat Kemudahan atau mana-mana bahagiannya dengan memberi notis dua-puluh satu (21) hari kepada Pelanggan. Dalam hal sedemikian, Pelanggan bersetuju untuk serta-merta menerima keputusan tersebut dan membayar kepada Co-opbank hutang yang kena dibayar dan belum dilunaskan di bawah Kemudahan itu.

Pelanggan bersetuju bahawa Co-opbank tidak mempunyai sebarang kewajipan lagi sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti untuk menyediakan atau terus menyediakan Kemudahan itu kepada Pelanggan.

45.0 CANCELLATION

Co-opbank is entitled to cancel, withdraw, suspend or terminate the Facility approved or disbursed by Co-opbank by providing seven (7) days notice to the Customer where the circumstances affecting the Customer which in the reasonable opinion of Co-opbank has an adverse impact on the Customer or the Co-opbank. In such event, the Customer agrees to immediately accept such decision and pay to the Co-opbank the indebtedness then due and outstanding under the Facility.

The Customer agrees that Co-opbank has no further obligation either at law or in equity to make or continue to make available the Facility to the Customer.

Notwithstanding anything contained in this T&C, the Facility, any compensation charges, cost and fees due shall be payable by the Customer on demand by Co-opbank.

45.0 PEMBATALAN

Co-opbank berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kemudahan yang telah diluluskan atau dikeluarkan oleh pihak Co-opbank dengan memberi notis tujuh (7) hari kepada Pelanggan jika hal keadaan yang memberi kesan kepada Pelanggan yang menurut pandangan munasabah Co-opbank telah memberi kesan buruk kepada Pelanggan atau pihak Co-opbank. Dalam hal sedemikian, Pelanggan bersetuju untuk serta-merta menerima keputusan tersebut dan membayar kepada Co-opbank hutang yang kena dibayar dan belum dilunaskan di bawah Kemudahan itu.

Pelanggan bersetuju bahawa Co-opbank tidak mempunyai sebarang kewajipan sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti untuk menyediakan atau terus menyediakan Kemudahan itu kepada Pelanggan.

Walau apa pun yang terkandung dalam T&C, Kemudahan, segala caj, pampasan, kos dan fi kena bayar hendaklah dilunaskan oleh Pelanggan apabila dituntut oleh Co-opbank.